

Nama : Kelas :



قَسَمٌ بِكَ عَنْ قَعْنَادٍ اَزْجَلِيْسٍ قَعْتُوْا
مَعَكُمْ كَرَاهًا سَكُوْا لِمَنْعَبَاوَا لِمَرْعَبٍ بِنْدُوْا
يَا اَيُّهَا سَنَ اِسْلَامَ كَلَنَتَن



Sejarah
Kertas 2
Ogos 2025
2 jam 30 min

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
TAHUN 2025 M / 1447 H

SEJARAH
KERTAS 2

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Buka kertas peperiksaan ini apabila diberitahu.
2. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruang yang disediakan.
3. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian:
Bahagian A dan **Bahagian B**.
4. Jawab semua soalan **Bahagian A** dan jawab **tiga** soalan dalam **Bahagian B**.
5. Jawapan bagi **bahagian A** dan **B** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
6. Markah bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan da kuga

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
JUMLAH			

Kertas soalan ini mengandungi 23 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan

1. Petikan berikut merujuk kepada hubung kait pemerintah dan rakyat pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Maka titah Sang Sapurba, “Hendaklah segala anak cucu hamba, jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim dan jahat pekertinya, janganlah segala hamba Melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi. Jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga ditakluk negerinya juga”.

Sumber : W.G. Shellabear, 1995. Sejarah Melayu

- (a) Senaraikan dua golongan pemerintah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Jelaskan peranan pemerintah dan rakyat pada zaman tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Baca petikan di bawah


Nilai kesetiaan dalam Prinsip Rukun Negara yang pertama merangkumi komitmen dan tanggungjawab setiap warganegara untuk mempertahankan dan melindungi kedaulatan negara serta menghormati institusi Raja sebagai Ketua negara.

Sumber Ubahsuai : <https://news.uitm.edu.my>

Ulasakan pernyataan tersebut.

[4 markah]

2. Gambar berikut menunjukkan Raja-raja Melayu di hadapan King's House, Kuala Lumpur, selepas menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.



- (a) Nyatakan dua cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Jelaskan kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam usaha membina negara dan bangsa Malaysia yang Bersatu padu.

[4 markah]

- (c) Pada pendapat anda, mengapakah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 boleh diterima penduduk Tanah Melayu?

[4 markah]

3. Kedaulatan merupakan aspek penting kepada sesebuah negara.

(a) Huraikan kepentingan kedaulatan dari aspek berikut :

(i) Keberkesanan Pentadbiran

[3 markah]

(ii) Kecemerlangan Hubungan Luar Negara

[3 markah]

(b) Teliti lirik lagu di bawah.

Demi negara yang tercinta
 Dicurahkan bakti penuh setia
 Demi raja yang disanjung tinggi
 Kesetiaan tak berbelah bagi
 Kepada pemimpin, kepada rakyat
 Khidmat diberi penuh taat
 Sama bekerja sama berusaha
 Setia berkhidmat untuk semua
 Rela berkorban apa saja

Sumber : <https://www.youtube.com/watch?v=T5ghOn7DItO>

Berdasarkan lirik tersebut, jelaskan peranan rakyat untuk mengekalkan kedaulatan negara.

[4 markah]

4. Malaysia bukanlah kerajaan beraja berkuasa mutlak ataupun daripada turun-temurun tetapi Malaysia mempunyai raja yang bergelar Yang di-Pertuan Agong bersemayam selama 5 tahun mengikut satu sistem yang unik di dunia.

(a) Bagaimanakah Yang di-Pertuan Agong dilantik?

[2 markah]

- (b) Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa yang luas dalam pemerintahan negara meliputi kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman.

Jelaskan bidang kuasa tersebut.

[4 markah]

(c) Mengapakah institusi Raja Berperlembagaan di negara kita mesti pertahankan?

[4 markah]

Bahagian B

(60 markah)

Jawab Tiga Soalan

5. Penetapan visi dan misi serta aturgerak yang praktikal dengan penerapan semangat juang yang tinggi dan bermotivasi merupakan faktor utama kemenangan negara Jepun dalam kempen Perang Dunia Kedua. Slogan Asia untuk Asia telah memulakan perang dengan sasaran pertama adalah serangan dilaksanakan ke atas China dan Korea yang kemudiannya diikuti oleh peperangan menakluki wilayah Manchuria dan seterusnya Kepulauan Pasifik dan Tanah Melayu awal 1930-an.

Sumber: http://conference.kuis.edu.my/pasak3/image/eprosiding1/PASAK3_1208.pdf

- (a) Mengapakah Jepun menjalankan imperialisme di rantau Asia Pasifik dalam kempen Perang Dunia Kedua? [4 markah]

- (b) Bagaimanakah penentangan rakyat terhadap pendudukan Jepun di negara kita?

[8 markah]

(c) Baca petikan berikut

Perlumbaan pembikinan senjata nuklear melibatkan kuasa-kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat, Rusia, Britain, China, Korea Utara, Israel, Iran, Pakistan dan India. Lebih mendukacitakan apabila ada antara negara tersebut sengaja melanggar resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam mengawal aktiviti tersebut.

Menurut laporan Agense France-Presse (AFP), kuasa nuklear dunia terutama China telah meningkatkan perbelanjaan bagi pembelian senjata untuk negaranya dalam tiga tahun berturut-turut sehingga tahun 2022, iaitu Ketika geopolitik semakin memuncak. Sembilan buah negara bersenjata nuklear dunia secara bersama-sama membelanjakan A.S.\$82.9 bilion (RM383.12 bilion) bagi tujuan pengeluaran senjata mereka pada tahun 2022. Separuh daripada perbelanjaan itu dilakukan oleh Amerika Syarikat.

Sementara itu, laporan Institusi Penyelidikan Keamanan Antarabangsa Stockholm (SIPRI) pula menunjukkan jumlah kepala peledak nuklear yang dimiliki oleh Britain, China, Perancis, India, Israel, Korea Utara, Pakistan, Rusia dan Amerika Syarikat berkurangan kepada 12,512 peledak pada awal tahun ini berbanding 12,710 peledak pada awal tahun 2022. Walaupun sebahagian daripadanya termasuk kepala peledak lama yang dijadualkan untuk dileraikan, namun 9,576 berada dalam “stok tentera dengan potensi untuk digunakan,” iaitu lebih 86 berbanding dengan tahun sebelumnya dan angka ini telah mula meningkat.


Sumber: Dewan Masyarakat, Julai 2023

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan ramalkan masa depan dunia. [8 markah]

6. Kemerdekaan Tanah Melayu menyimpan jutaan memori di sebalik peristiwa bersejarah ini. Kejayaan, kebanggaan, kemegahan yang dilakar menjadi kenangan terindah dalam paparan sejarah tanah air.

Sumber: <http://www.sinarharian.com.my/article/44155/Malaysia-merdeka>

- (a) Jelaskan persiapan yang dilakukan untuk menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara. [6 markah]
- (b) Pemasyhuran kemerdekaan negara bermula pada malam 30 ogos 1957 di Padang Kelab Selangor dan bersambung pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.
Galurkan peristiwa bersejarah tersebut. [6 markah]
- (c) Teliti gambar pemasyhuran kemerdekaan negara berikut.



Jelaskan maklumat yang diperolehi daripada peristiwa di atas dan ceritakan perasaan anda sekiranya anda turut berada bersama dalam peristiwa tersebut.

[8 markah]

Join SPM Study Group

<https://spmpaper.me/group>



7. Menurut sejarah yang terlarak, Persekutuan Malaysia terbentuk apabila Persekutuan Tanah Melayu bergabung bersama wilayah-wilayah Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura.

(a) Apakah yang anda faham dengan konsep gagasan Malaysia?

[4 markah]

(b) Jelaskan langkah-langkah pembentukan Malaysia.

[8 markah]

(c) Teliti poster di bawah.



Sumber: Berita RTM

Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut dan kesan terhadap negara sekiranya peristiwa ini tidak diraikan.

[8 markah]

8. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) adalah keseimbangan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilaksanakan melalui Rancangan Jangka Panjang sejak negara mencapai kemerdekaan.

- (a) Pelaksanaan DPN merangkumi bidang ekonomi, sosial serta kemudahan fizikal dan alam sekitar.

Huraikan strategi yang digunakan dalam merealisasikannya.

[6 markah]

- (b) Penyusunan semula masyarakat dan pembangunan wilayah mampu memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum.

Bagaimanakah DPN dilaksanakan?

[6 markah]

- (c) Teliti poster berikut.



Sumber : <https://www.facebook.com/harianmetro>

Berikan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut dan cadangkan langkah-

langkah membasmi kemiskinan.

[8 markah]

9. Kelantangan Malaysia menyuarakan ketidakadilan dalam ekonomi dan bertindak tegas bagi memastikan ekonomi negara tidak terjejas, wajar dijadikan pengajaran.

(a) Jelaskan peranan Malaysia dalam hubungan ekonomi antarabangsa berikut:

(i) Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga [4 markah]

(ii) Mengantarabangsakan Sistem Kewangan Islam [4 markah]

(b) Bagaimanakah Malaysia menangani kemelesetan ekonomi pada tahun 1997 hingga 1998? [4 markah]

(c) Teliti laporan berita di bawah.

KUALA LUMPUR: Aktiviti ekonomi berkemungkinan akan terus mengalami penyusutan sekiranya bank-bank mengetatkan pemberian pinjaman akibat terkena tempias dari krisis kewangan yang berlaku dalam sektor perbankan di Amerika Syarikat, kata Pakar Ekonomi, MIDF Research, Abdul Mui'zz Morhalim.

Staf Rizab Persekutuan (THE FED) pada minit mesyuarat FOMC bagi bulan Mac 2023 yang lepas membuat simulasi bahawa ekonomi di Amerika Syarikat mempunyai potensi untuk berhadapan kemelesetan akibat permasalahan ini.

Berikut adalah tinjauan MIDF Research keadaan sektor perbankan Amerika Syarikat dan kesan terhadap Malaysia ialah keadaan sektor perbankan di Amerika Syarikat telah mewujudkan kebimbangan terhadap krisis kewangan yang mempunyai potensi untuk berulang seperti yang dialami pada tahun 2008-2009.

Seterusnya, penutupan bank Silicon Valley dan Signature Bank telah membuat ramai mempersoalkan kesihatan perbankan. Selain itu, Rizab Persekutuan (THE FED) masih menekankan kepentingan untuk mengawal kadar faedah ke paras tinggi agar dapat mengawal inflasi. Disamping itu, MIDF Research menyarankan agar sentiasa peka dan perhatikan setiap perkembangan ekonomi dengan lebih teliti . Kekuatan ekonomi Amerika Syarikat merupakan petunjuk penting bagi pertumbuhan positif global. Risiko kemelesetan ekonomi dunia mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi ekonomi Malaysia.

Sumbner: astroawani.com

Huraikan mesej yang terkandung dalam berita tersebut dan apakah cadangan untuk meningkatkan ekonomi negara kita.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

